



SHAHRIUL NIZAM MOHAMMAD | BERTITA MINGGU

TABAH HADAPI DUGAAN: Mohd Muslim tidak diterima memasuki sekolah pada 1998 kerana cacat.

Birokrasi punca Muslim tak diterima bersekolah

KUANTAN: Bapa Mohd Muslim, Roslan Man mengakui terpaksa menyembunyikan kecacatan anaknya, tanpa kedua-dua tangan dan kaki daripada pengetahuan isterinya sebaik dilahirkan.

"Bukan tidak mahu menerima takdir tetapi kecacatannya tanpa kedua-dua tangan dan kaki dibimbangi menjejaskan kesihatan isteri (Sharifah Ahmad) ketika itu.

"Bagi mengelak isteri terkejut, Mohd Muslim dibungkus dengan kain lampin sama seperti bayi lain dan urusan memandikannya dibuat sepenuhnya oleh bidan tanpa diketahui isteri berhubung kecacatannya.

"Hanya selepas dua hari, isteri dimaklumkan perkara sebenar dan walaupun sedih dengan kekurangannya, saya dan isteri tabah menerima anugerah Allah ini," katanya.

Beliau berkata, anaknya sangat aktif dan di-

hantar ke tadika ketika berusia enam tahun. Dia tekun belajar membaca, tetapi hasratnya memasuki sekolah Tahun Satu pada 1998, tidak diterima kerana kecacatannya itu.

Roslan berkata, dia kecewa kerana kerehah birokrasi menyebabkan Mohd Muslim bukan saja gagal meneruskan persekolahan, malah bantuan yang sepatutnya diterima sebagai orang kurang upaya (OKU) juga tidak pernah dinikmati sehingga kini walaupun permohonan sudah dikemukakan," katanya.

Selain Mohd Muslim, empat lagi anak Roslan ialah Faradina, 22; Noruzita, 20; Norsarida, 18; dan Mohd Hisham, 15, normal.

Roslan yang memiliki pendapatan bersih kira-kira RM400 sebulan berkata, dia sedih memikirkan masa depan Mohd Muslim, jika ditakdirkan dia dan isteri yang kini bekerja kilang coklat di Semambu, meninggal dunia.

S: 88
pembacaan 22/4/07
pembacaan 22/4/07